

SIARAN MEDIA

PROGRAM LUANG LAYOR MENGHIDUPKAN SENI PEMBUATAN REPLIKA BOT MINIATUR

29 JULAI 2023 – Balai Seni Negara dengan kerjasama Kolektif Seni Pulau Duyong hari ini mengadakan Program Luang Layor di Kampung Pulau Ketam, Kuala Terengganu bermula jam 2.00 petang sehingga 11.00 malam. Program ini adalah rentetan daripada Program Jerayawara Seni Dwimusim Kuala Terengganu yang telah dirasmikan pada 17 Jun 2023. "Luang Layor" merupakan aktiviti seni pembuatan replika bot miniatur yang diolah daripada pembuatan bot berskala sebenar untuk diperkenalkan kepada masyarakat awam.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan seni pembuatan bot miniatur secara tradisional kepada masyarakat serta memberikan sokongan dan galakan kepada penggiat bot miniatur atas usaha mereka untuk mempertahankan warisan seni pembuatan bot tradisional supaya ia tidak hilang dek arus pemodenan ekoran kenaikan kos bahan mentah. Menariknya, generasi kini telah menambahbaik replika bot ini dengan menjadikan ia dapat dikawal dari jauh dan mampu bergerak di atas air, sesuai untuk aktiviti rekreasi peminat bot miniatur.

Menerusi "Luang Layor", para penggiat seni bot miniatur dari pelbagai daerah di Terengganu dijemput untuk membina rangkaian komuniti pembuat bot disamping berkongsi pandangan serta pengalaman antara satu sama lain. Selain itu, demonstrasi bot miniatur kawalan jauh turut diadakan secara langsung kepada orang ramai. Seterusnya, bagi mempromosikan seni ini secara meluas, Pertandingan Telefotografi (*mobilegraphy*) diadakan dan penyertaan adalah terbuka kepada orang ramai.

Perasmian Program Luang Layor di Kampung Pulau Ketam, Kuala Terengganu disempurnakan oleh YBrs. Encik Alizam Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Program ini diharapkan mampu mendedahkan masyarakat umum untuk lebih memahami dan menghargai seni pembuatan bot miniatur seterusnya dapat memupuk minat mereka terhadap seni pembuatan bot miniatur. Maklumat lanjut mengenai program ini, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my

BAWAH JAMBATAN PULAU KETAM, PULAU DUYONG

LUANG

29 JULAI 23

ΓΥΛΟΒ

